

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Muharram 1446H/ Julai 2024

ACIS

Aplikasi Kaedah Fekah *Al-Umur Bi Maqasidiha* Dalam Konteks Hijrah Masa Kini

Inspirasi Hijrah Kepada Generasi Muda **6**

Menggapai Kecemerlangan Melalui Hijrah Nabi **8**

Hikmah Hijrah Rasulullah SAW **9**

Karya Kreatif: Sumber Idea Berlandaskan Pengalaman dan Teknik
Pengembangan Idea **11**

Mengungkap Hijrah Harta : Sorotan Webinar Eksklusif Zakat
Pendapatan **13**

Puisi: Ilustrasi Ilham Ke Naskah Kreatif **16**

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Inspirasi Hijrah Kepada Generasi Muda



Oleh:
Professor Madya Dr. Azarudin bin Awang
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Terengganu, Kampus Dungun

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke kota Madinah adalah penting kerana dari situlah, agama Islam mula disebarkan ke seluruh dunia. Dalam perihal ini Al-Quran menghikayatkan kisah ini di dalam surah al Taubah ayat 40 yang bermaksud:

"Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedangkan dia salah seorang daripada dua (sahabat) ketika mereka berlindung di dalam gua. Pada ketika itu, dia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah kamu berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita." Maka Allah menurunkan ketenangan kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terbawah (kalah dengan sehinah-hinanya) dan Kalimah Allah (Islam) adalah yang tertinggi (selama-lamanya) kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Hijrah Fizikal

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Hijrah bermaksud berpindah atau meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain. Kisah Hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Islam yang mengandungi pelbagai pengajaran dan inspirasi untuk generasi muda. Rasulullah SAW dan para sahabat menunjukkan keberanian yang luar biasa dalam menghadapi cabaran dan ancaman semasa Hijrah. Rasulullah SAW membuat keputusan untuk berhijrah dari Mekah ke Madinah walaupun sedar akan risiko besar yang bakal dihadapi. Kaum Quraisy telah merancang untuk membunuh baginda, namun baginda tetap teguh dengan keputusan untuk berhijrah demi keselamatan umat Islam dan kelangsungan dakwah. Hijrah adalah perjalanan yang sukar dan penuh dengan cabaran fizikal dan mental. Namun Rasulullah SAW menunjukkan ketabahan yang luar biasa dalam mengatasi segala kesukaran, termasuk panas terik, kekurangan bekalan makanan, dan ancaman musuh.

Setiap pelajar yang keluar dari penempatan kelahiran masing-masing dengan hasrat untuk mengembangkan potensi dan ilmu sebenarnya telah memenuhi konsep hijrah fizikal tersebut. Meninggalkan keluarga dan rakan sebaya serta suasana persekitaran sejak dilahirkan dengan mencari tempat baru, rakan yang baru serta pengalaman baru sudah semestinya memerlukan pengorbanan dan tekad yang kuat.

Generasi muda boleh mengambil inspirasi daripada keberanian ini untuk menghadapi cabaran dalam pendidikan dan kerjaya dengan berani dan tidak mudah berputus asa. Hijrah bukan dilakukan secara tergesa-gesa tetapi dengan perancangan yang teliti. Rasulullah SAW merancang setiap langkah dengan teliti, termasuk laluan perjalanan dan persediaan bekalan. Dalam pendidikan dan kerjaya, perancangan yang baik adalah kunci kejayaan. Generasi muda perlu merancang masa depan mereka dengan teliti dan strategik. Bagi menempa kejayaan, para pelajar perlu tetapkan matlamat jangka masa panjang dan jangka masa pendek, memiliki kemahiran tambahan, cuba mendapatkan nasihat dan bimbingan dari seseorang yang mungkin boleh menjadi mentor, belajar menguruskan kewangan dengan bijak, sentiasa bersikap positif dan sebagainya.

Inovasi dalam pembelajaran dapat dilakukan dengan menggunakan media atau proses pembelajaran yang inovatif berpaksi teknologi (Aeni, Djuanda, et al., 2022). Media pembelajaran yang menarik, kini mudah untuk dibuat dan didapatkan dengan bantuan teknologi, seperti video animasi, quiz interaktif, e-book dan lain-lain.

Hijrah spiritual

Penghijrahan secara menyeluruh melibatkan kesemua aspek iaitu fizikal, mental dan akhirnya mencapai tingkat hijrah tertinggi iaitu penghijrahan spiritual. Dalam aspek spiritual, ia melibatkan penghijrahan hati dan tahap keimanan seseorang. Proses melaksanakan segala tuntutan agama dan berterusan melakukan kebaikan akan membawa kepada peningkatan kualiti keimanan dan ketakwaan (Ruzanifah Kosnin.2022)

Ternyata pengalaman hijrah penuh dengan dugaan dan kesulitan, tetapi Rasulullah SAW dan para sahabat menunjukkan kesabaran dan ketabahan yang luar biasa. Generasi muda boleh mengambil pengajaran ini untuk bersabar dan tabah dalam menghadapi kesukaran dalam pelajaran dan pekerjaan. Proses pembelajaran sering kali memerlukan masa, usaha, dan dedikasi yang berterusan. Dengan mengamalkan kesabaran dan dedikasi yang berterusan, proses menuntut ilmu menjadi lebih bermakna dan memuaskan. Kesabaran adalah kunci untuk mencapai kemahiran dan pengetahuan yang mendalam dalam mana-mana bidang.

Hijrah berjaya bukan hanya kerana usaha individu tetapi juga hasil kerjasama dan sokongan komuniti. Generasi muda boleh belajar tentang pentingnya bekerja dalam kumpulan, saling menyokong, dan bekerjasama untuk mencapai kejayaan bersama. Kerjasama bukan sahaja meningkatkan hasil kerja tetapi juga membina hubungan yang kukuh dan bermakna antara individu. Dengan memahami dan mengamalkan konsep kerja berpasukan, sudah tentu

generasi muda dapat mencapai kejayaan bersama dengan lebih berkesan dan harmoni. Matlamat Hijrah adalah untuk membina masyarakat Islam yang lebih kuat dan berdaya maju. Generasi muda boleh mengambil inspirasi untuk menetapkan matlamat jangka panjang dalam pendidikan dan kerjaya mereka dan berusaha mencapainya dengan konsisten.

Hijrah melibatkan pengambilan risiko yang besar, tetapi dengan keyakinan dan perancangan yang teliti, risiko tersebut dapat diatasi. Generasi muda boleh belajar untuk tidak takut mengambil risiko yang terhitung dalam usaha mencapai matlamat mereka. Pengurusan risiko yang dilakukan dengan bijak boleh membawa kepada pencapaian besar dan kemajuan yang signifikan dalam kehidupan peribadi dan professional. Sekaligus, dengan memahami dan mengamalkan pengurusan risiko yang baik, generasi muda dapat meningkatkan peluang mereka untuk mencapai matlamat dan kejayaan

Rasulullah SAW dan para sahabat tetap komited kepada prinsip-prinsip Islam walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Generasi muda boleh mengambil pengajaran untuk tetap teguh dengan prinsip dan nilai mereka walaupun dalam situasi yang sukar. Ketekalan prinsip ini mampu dibangunkan dengan mempelajari dan mengambil iktibar kisah-kisah lalu, mencari seseorang yang boleh menjadi mentor, menghayati pendidikan agama, berdiskusi, membaca bahan-bahan yang memberi inspirasi positif dan membangunkan pemikiran agar lebih kritis.

Setibanya di Madinah, Rasulullah SAW dan para sahabat menunjukkan keanjalan dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Hijrah juga menunjukkan pentingnya inovasi dalam mengatasi masalah. Generasi muda boleh belajar untuk menjadi fleksibel, berinovatif dalam menyelesaikan masalah; dan mencari jalan untuk mencapai kejayaan dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pendidikan, kerjaya, dan kehidupan peribadi. Selain itu, generasi muda boleh belajar untuk sentiasa berfikir secara kreatif dan.

Dengan mengambil inspirasi daripada kisah Hijrah Rasulullah, para pelajar sebagai asset kepada negara mampu membina asas yang kukuh untuk kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Peristiwa ini bukan sahaja memberi pengajaran moral tetapi juga menyediakan panduan praktikal untuk mencapai kejayaan melalui keberanian, perancangan, kesabaran, kerjasama, dan komitmen

Rujukan:

- Aeni, Djuanda, et al., 2022. dalam Ahmad Taufik at all. Pengembangan di Co-Book (Digital Comic dan E-Book) Kisah Hijrah Rasulullah SAW sebagai Media Pembelajaran PAI di SD.2023.Jurnal Pendidikan Tambusai.
- Ruzanifah Kosnin dan Nor Hayati Samba Mohamed. 2022. Hijrah dan Rahsia Usahawan Berjaya.Info Usahawan UiTM Terengganu